



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (66)
Tarikh : 16 Oktober 2021

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN SKIM PERUMAHAN PROJEK RUMAH MAMPU MILIK IDEAL RESIDENCY, BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG

BUKIT GELUGOR, 16 Oktober 2021 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang pada pagi ini **meninjau kerja-kerja pembinaan Rumah Mampu Milik PR1MA - Ideal Residency dan seterusnya menyerahkan surat tawaran kepada 20 orang bakal pembeli di Bukit Gelugor, Pulau Pinang.** Turut hadir ialah YB Tuan Jagdeep Singh Deo, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang.

KPKT memberikan komitmen yang tinggi dalam **menyediakan Perumahan Mampu Milik yang berkualiti dan selesa untuk Keluarga Malaysia.** Inisiatif Rumah Mampu Milik ini dilihat mampu meningkatkan keupayaan rakyat memiliki rumah di mana harga yang ditawarkan adalah sangat berpatutan iaitu **di bawah RM300,000 seunit.**

Ideal Residency, Bukit Gelugor merupakan **Projek Perumahan Mampu Milik hasil usaha sama Kerajaan Persekutuan melalui Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) bersama Ideal Capital Venture Sdn Bhd (ICVSB) dan Kerajaan Pulau Pinang.** Ia terletak di lokasi strategik untuk didiami dan merupakan pilihan tepat untuk dijadikan sebagai aset masa hadapan terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Projek perumahan ini menyediakan **2,850 unit rumah mampu milik** yang bakal dibina melalui **dua fasa pembinaan di atas tapak tanah berjumlah 16.2 ekar** terbahagi kepada 2 Plot (Plot B & Plot C) yang terletak berdekatan Jalan Gambir. **Fasa 1 projek di Plot B mempunyai 1 blok 49 tingkat dengan 1,218 unit apartmen bersaiz 850**

kaki persegi yang kini dalam peringkat kerja tanah, cerucuk, kerja bawah tanah dan pembinaan tembok penahan. Manakala **Fasa 2 projek di Plot C pula mempunyai 2 blok 46-tingkat dengan 1,632 unit apartmen bersaiz 850 kaki persegi**. Kemajuan fasa kedua ini hanya akan bermula selepas kerja pembinaan Fasa 1 selesai.

Kos pembangunan kasar (gross development cost - GDC) bagi keseluruhan projek dianggarkan bernilai **RM818,045,440** manakala **nilai pembangunan kasar (gross development value - GDV)** dianggarkan bernilai **RM930,832,000**.

Harga jualan seunit PR1MA - Ideal Residency, Bukit Gelugor ini ditetapkan pada RM300,000 oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berikutan pemajuan Perumahan Mampu Milik di Pulau Pinang dikawal oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Pembinaan PR1MA – Ideal Residency ini lengkap dengan pelbagai kemudahan bercirikan kondominium dan dilihat mampu memberikan suasana yang lebih selesa kepada penghuninya kelak.

YB Dato' Sri Reezal Merican juga menyatakan satu daripada matlamat KPKT adalah untuk memberi peluang kepada orang muda memiliki kediaman selaras dengan agenda **Own at Young atau Miliki di Usia Muda** yang digagaskannya.

Sasaran pembinaan **500 ribu unit Rumah Mampu Milik di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)** membuktikan keprihatinan dan kesungguhan kerajaan bagi meningkatkan peluang khususnya kepada kumpulan B40 dan M40 untuk memiliki rumah. Justeru, KPKT akan menggerakkan usaha ini melalui **Kerangka Agenda Fokus KPKT** iaitu **“Liveable Malaysia atau Malaysia Berdaya Huni”**.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : *Unit Komunikasi Korporat*

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my